

KEPIMPINAN DAN KEUNGGULAN WANITA MENERUSI NOVEL

DOA INSAN BERKASIH

Mohd Nazri Bin Zainuddin

Pensyarah

Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Kementerian Pelajaran Malaysia

Abstrak

Kajian ini mempunyai dua objektif (i) mengesan unsur atau ciri-ciri kepimpinan yang terdapat dalam novel Doa Insan Berkasih, (ii) mengenal pasti unsur-unsur kepimpinan yang boleh diaplikasikan oleh pemimpin sekolah. Sorotan literatur dilakukan untuk melihat kelompongan kajian berkaitan dengan kepimpinan berkualiti. Kebanyakan kajian menggunakan kaedah kuantitatif dan kurangnya penggunaan kaedah kualitatif. Kajian dilakukan dengan kaedah kepustakaan atau kualitatif iaitu dengan merujuk novel Doa Insan Berkasih karya Aminah Mokhtar dan buku-buku kepimpinan dan pengurusan. Tiada siapa yang dapat menafikan bahawa banyak karya sastera mempunyai unsur-unsur kepimpinan yang diselitkan dalam penulisannya. Justeru, pembaca dapat menilai dan mengaplikasikan unsur-unsur kepimpinan yang unggul dan berkesan dalam pengurusan sekolah, kepimpinan di tempat kerja dan dalam hidup bermasyarakat. Disarankan kajian-kajian akan datang lebih menjurus kepada novel-novel sejarah kerana di dalamnya banyak mengandungi unsur-unsur kepimpinan yang boleh diterapkan dalam kalangan para pentadbir dan pengurus.

Pengenalan

Wanita merupakan makhluk ciptaan Allah SWT yang mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Di dalam diri mereka ada tersimpan perasaan halus yang tidak dimiliki oleh lelaki. Perasaan itu ialah kasih sayang yang amat dalam dan tiada tolok bandingnya. Doa wanita lebih makbul daripada lelaki kerana sifat penyayang yang lebih kuat melebihi lelaki (<http://id.shroong.com/writing.and.speaking>). Mereka sanggup mengorbankan diri mereka demi melindungi orang yang dikasihi. Ini dapat dilihat dalam senario sejak berzaman lagi iaitu seseorang ibu sanggup bersusah payah mencari rezeki demi melihat anaknya tidak kelaparan dan selesa dalam menuntut ilmu. Malahan, sanggup bergadai nyawa untuk melindungi anak-anak dan orang yang dikasihi daripada hidup kesusahan dan kemelaratuan.

Apabila membaca novel *Doa Insan Berkasih* karya Aminah Mokhtar, pengkaji dapat melihat tentang kepimpinan dan keunggulan wanita yang cuba diketengahkan oleh penulis. Pengkaji cuba mengaitkan kepimpinan dan keunggulan wanita yang ditampilkan oleh Aminah Mokhtar dengan menggunakan *teori teksdealisme* oleh Mana Sikana. Sememangnya kepimpinan dan keunggulan wanita dapat dizahirkan dalam bentuk penulisan supaya dapat dijadikan teladan dan pengajaran kepada para pembaca. Dengan cara ini, segala apa yang disampaikan oleh penulis dapat dihayati dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian.

Berdasarkan novel *Doa Insan Berkasih* ini, pengkaji dapat mengesan beberapa watak wanita yang boleh dikategorikan sebagai wanita yang unggul dan memaparkan kepimpinan yang berkesan. Kepimpinan serta keunggulan mereka dapat dibuktikan berdasarkan kepada situasi dan peristiwa yang dialami oleh mereka. Watak-watak tersebut ialah Siti Musalmah dan Salamiah. Penggunaan dialog dan monolog juga dapat menggambarkan kepimpinan serta keunggulan wanita-wanita tersebut. *Teori teksdealisme* cuba diaplikasikan dalam kertas kerja ini bagi membuktikan bahawa wanita-wanita yang ditampilkan ini adalah

benar-benar unggul dan menonjolak kepimpinan berkesan. Menurut Pahrol Mohamad Juoi (2010: 61) keunggulan serta kecemerlangan seseorang boleh dilihat dari aspek ilmu, kemahiran, maklumat dan sikap.

Sorotan Literatur

Kajian yang dilakukan oleh Junaidah Arsal (2004) yang bertajuk “Ciri-ciri kepimpinan pengetua wanita: satu kajian kes di sebuah sekolah menengah di Klang, Selangor. Manakala Zaharah Hassan (2004) telah membuat kajian berkaitan tingkah laku dan gaya kepimpinan pemimpin akademik wanita di sebuah universiti awam. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kualitatif dan penekanan kepada pengaruh situasi serta peranan organisasi ke atas tingkah laku dan gaya kepimpinan tersebut. Teknik yang digunakan termasuklah teknik pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Di samping itu, Razali Tamadi (2005) membuat kajian tentang hubungan antara amalan pengurusan sekolah dengan tingkah laku kepimpinan pengetua wanita di sekolah menengah Premier di daerah Johor Bahru, Johor. Kajian ini melibatkan faktor jantina, umur dan pengalaman mengajar. Malahan, aspek amalan pengurusan turut dikaji seperti pencapaian matlamat, penyeliaan staf, perancangan program, kemahiran staf, membuat keputusan dan hubungan dengan murid.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Norhannan Ramli dan Jamaliah Abdul Hamid (2006) yang mengkaji tentang gaya kepimpinan pengetua wanita dan hubungannya dengan tahap motivasi guru sekolah menengah. Tujuan kajian tersebut adalah untuk meninjau persepsi guru terhadap gaya kepimpinan pengetua wanita. Kajian ini dilakukan di sekolah-sekolah menengah di Kajang, Selangor. Manakala Noorun Nashriah Hj Ramli (2008) mengkaji berkaitan dengan kepimpinan wanita dalam politik dan hala tuju polisi awam di Malaysia: kajian kes pilihanraya umum ke-12. Suffian Hj Jalet (2009) pula menyentuh tentang pengenalpastian gaya dan keberkesanannya kepimpinan pengetua cemerlang kanan wanita di sebuah sekolah di Sek. Men. Tun Abang Haji Openg, Kuching, Sarawak.

Sejajar dengan itu, Institut Integriti Malaysia (IIM) dengan kerjasama Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menganjurkan Seminar Integriti Kepimpinan Wanita yang bertemakan Pemerikasaan Wanita Sebagai Model: Peranan Dalam Integriti pada 28 April 2011 bertempat di IIM. Antara objektif seminar ini termasuklah untuk mendapat maklumbalas daripada peserta wanita mengenai Tekad Integriti yang terdapat dalam agenda integriti negara, meningkatkan penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni dalam kalangan wanita serta mengenalpasti peranan yang boleh dimainkan oleh wanita di dalam ruang keluarga dan masyarakat demi meningkatkan integriti.

Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Kaedah ini dipilih adalah disebabkan pengumpulan data dan analisis data bersumberkan kandungan teks sebuah novel yang dipilih iaitu *Doa Insan Berkasih*. Mike Palmquist (1980) menyatakan bahawa kaedah analisis kandungan ialah:

'can be applied to examine any piece of writing or occurrence of recorded communications, content analysis is used in large number of fields, ranging from marketing and media studies, to literature and rhetoric, ethnography and cultural studies, gender and age issues, sociology and political science, psychology and cognitive science, as well as other fields of inquiry'.

<http://www.gsls.utexas.edu> (Content Analysis)

Di samping itu, terdapat banyak kelebihan atau kebaikan menggunakan kaedah ini. Ini dinyatakan oleh Mike Palmquist (1980) iaitu kelebihannya ialah:

- Melihat secara langsung pada perhubungan menerusi teks atau transkrip dan seterusnya dapat menuju pada aspek tumpuan dalam perhubungan sosial.

- Memberi ruang yang paling hampir di antara pengkaji dengan teks.
- Dapat memberikan pemahaman sejarah atau budaya yang bernalih menerusi teks-teks yang dikaji.
- Boleh digunakan untuk menginterpretasi teks bagi tujuan memperluas kepakaran.

Disebabkan kajian ini lebih memfokuskan kepada analisis kandungan teks novel *Doa Insan Berkasih*, maka secara tidak langsung kaedah ini memberi kelebihan kepada pengkaji untuk lebih mendekati teks yang dianalisis.

Keputusan Kajian:

Prinsip Kehadiran

Prinsip utama dalam *teori teksdealisme* ialah kehadiran. Prinsip ini merupakan garis panduan bagi pengarang, teks dan khalayak yang unggul. Prinsip kehadiran yang dimaksudkan ialah kehadiran idea dan pengalaman. Menurut Mana Sikana (2009: 496), penghasilan sesebuah teks yang ideal atau unggul tetap bermula daripada idea dan pengalaman. Idea ialah lintasan-lintasan pemikiran yang bergema dalam kesedaran pengarang, yang mengembang dan mematang, yang akhirnya dijelmakan dalam bentuk teks kreatif. Terdapat pelbagai pembentukan idea dan juga penulisan idea yang hadir dalam diri pengarang ke dalam bentuk teks. Antaranya ialah aliran, bahasa, unsur dan struktur.

Oleh itu, pengkaji akan mengaplikasikan prinsip kehadiran ini ke dalam watak-watak yang terkandung di dalam novel *Doa Insan Berkasih*. Misalnya, kehadiran pengalaman watak semasa berada di kampung dan kesusahan hidupnya menjadikan suatu motivasi untuk berjaya dalam kehidupan. Seterusnya, membentuk wanita yang unggul dan menempa kejayaan. Menurut Farid Poniman, Indrawan Nugroho dan Jamil Azzaini (2010: 43) seseorang yang mempunyai impian yang tinggi mampu mencapai prestasi terbaik serta memiliki tahap motivasi yang tinggi.

Kehadiran Pengalaman Sebagai Anak Nelayan

Kehadiran pengalaman hidup sebagai anak nelayan yang hidup miskin menyebabkan Siti Musalmah bercita-cita membuat perubahan dalam kampungnya. Kesusahan arwah bapanya ke laut dengan menggunakan sampan kecil untuk mencari ikan, penipuan yang dilakukan oleh peraih ikan serta kehidupan yang miskin telah menyebabkan Siti Musalmah berazam dan bertekad untuk keluar dari kepompong tersebut. Lantaran itu, kehadiran pengalaman itu menjadikan beliau seorang yang tabah, sabar, gigih dan berani menempuh pelbagai dugaan serta cabaran dalam merealisasikan impiannya. Contoh petikan yang menunjukkan kehadiran pengalaman sebagai anak nelayan adalah seperti di bawah:

Arwah abah seorang nelayan. Arwah abah mencurah peluh hamis masin ke laut ganas dengan penuh semangat dan cinta kasih hidup. Abah nelayan kurus yang ulas-ulas dagingnya tirus dipulas kepenatan dan kelelahan. (2009: 4)

Selain itu, kehadiran pengalaman sebagai anak nelayan juga dipaparkan berkaitan penindasan yang ditunjukkan oleh para peraih ikan. Contoh petikan:

Emak buat kerja apa sahaja bagi mendapatkan seekor dua ikan di Kampung Nelayan yang tidak ada seorang pun punya perahu ikan milik sendiri. Lintah darat yang berkeliaran di jeti, rakus menghirup masin keringat dan hamis darah nelayan yang membawa pulang seperahu kecil tangkapan tetapi dibayar dengan penindasan tanpa kasihan. (2009: 6)

Contoh petikan lain:

Arwah abah nelayan berani, kata emak tiap-tiap hari abah tidak pernah takut pada laut. Abah nelayan yang jual ikan sendiri di Kampung Muara. Abah, nelayan yang bencikan lintah darat. Abah rela pergi jauh dan pulang berhari-hari hanya mahu menjual hasil tangkapan kepada pekedai-pekedai yang ikhlas membeli hasil tangkapan abah dengan harga yang berpatutan.

(2009: 7)

Kehadiran pengalaman hidup yang dihimpit kesusaahan dan kemiskinan dipaparkan dalam petikan dibawah:

“Tetapi Kampung Nelayan yang tidak ada seorang pun punya rumah sempurna, semuanya berpondok atap nipah, tidak mampu tunaikan impian kamu anak-beranak, sampai malam tadi, emak kamu mati masih miskin, Siti. Sekarang ini, hanya kamu sahaja yang boleh jadikan mimpi emak kamu betul-betul terjadi. Kamu pergila.”(2009: 19)

Kesan Kehadiran Pengalaman Sebagai Anak Nelayan Melahirkan Unsur Kepimpinan dan Keunggulan

Seseorang itu dikatakan unggul apabila berjaya menjadi model dan ikutan kepada masyarakat sekelilingnya. Kepimpinan dan keunggulan juga bukan dilihat dari luaran sahaja tetapi aspek dalaman juga penting. Ini dilihat daripada keperibadian dan akhlaknya. Tidak diketepikan juga, material juga penting bagi melihat keunggulan seseorang itu. Di dalam novel *Doa Insan Berkasih* ini didapati unsur kepimpinan dan keunggulan dapat dilihat dalam kalangan watak-watak wanita. Jarang sekali seorang wanita menjadi peraih ikan yang berjaya di samping mengusahakan pelbagai cabang perniagaan lain. Biasanya tugas ini dilakukan oleh kaum lelaki kerana bidang ini agak sukar dan rumit.

Unsur kepimpinan serta keunggulan wanita dapat dilihat daripada kesan kehadiran pengalaman yang ditempuhi oleh watak utama iaitu Siti Musalmah. Penindasan yang dilakukan oleh para peraih terhadap nelayan dan bapa Siti Musalmah telah menyebabkan beliau telah berazam untuk menjadi peraih yang membantu nelayan dan bukannya menindas. Lantaran itu, beliau berjaya menjadi peraih yang disegani dan ramai nelayan mendapat manfaat di atas kehadirannya di kampung. Siti Musalmah juga telah mencapai hajat arwah bapanya untuk menjadi peraih ikan yang tidak menindas para nelayan di kampungnya. Contoh petikan:

“Kita beli ikan orang kampung dua kali ganda daripada harga biasa. Itulah niat arwah abah Siti dahulu. Sama-sama dapat untung. Barulah boleh bermula.” (2009: 241)

Contoh petikan lain:

Pak Jusoh tersenyum terima tiga puluh lima ringgit untuk ikan kembung dan sepuluh ringgit untuk anak selar kuning. Seumur hidupnya inilah kali pertama dia menerima empat puluh lima ringgit sehari hasil penat lelahnya melawan ombak di lautan.

Pak Junid, dua puluh kilo selar besar. Pak Su hulurkan lima puluh ringgit. Dia terkebil pandang Pak Su Majid. “Kamu tidak salah kira, Majid? Banyak sangat ni?”

Siti Musalmah melihatnya dengan air mata berlinang. (2009: 257)

Kesan kehadiran pengalaman hidup di dalam kesempitan dan kesusahan menjadikan Siti Musalmah seorang yang tabah, sabar dan bersyukur. Beliau menghadapi segala rintangan dan masalah yang datang dengan penuh kesabaran dan ketabahan. Misalnya, gerai tempat jualan ikannya telah dibakar oleh Zamani tetapi beliau menghadapinya dengan ketabahan. Contoh petikan:

Tiba-tiba Saidin tercungap-cungap di muka pintu.

Siti Musalmah terkejut. “Kenapa Din?”

Saidin tunjuk kea rah pantai. Nafasnya payah. “Gerai. Gerai kita dibakar.”

“Terbakar?” Dada Salamiah terasa mahu meletup.

Siti Musalmah rapatkan kedua-dua telapak tangan. Wajahnya tenang.

Dari Allah dia dating dan kepada Allah dia kembali. Ya Allah, gantikan gerai yang Engkau ambil ini dengan gerai yang lebih baik. Kalau ia perbuatan orang yang mahu gagalkan usaha kami, ampunkanlah mereka, Tuhan. Berikanlah mereka petunjuk ke jalan-Mu yang benar. Berilah mereka petunjuk untuk menjadi orang-orang yang berjaya. Amin. (2009: 330)

Contoh petikan lain:

“Mak Su jangan risau. Ada rahmat Allah di sebalik ini semua. Percayalah. Nanti kita buat gerai baharu.

Jangan risau. Allah ambil yang ada ini, untuk beri kita yang lebih baik. Insya Allah.”

(2009: 334)

Kehadiran Pengalaman Sebagai Orang Gaji

Setelah kematian ibunya akibat sakit busung, Siti Musalmah telah berhijrah ke Johor Bahru untuk bekerja sebagai orang gaji atau pembantu rumah. Pelbagai cabaran dan dugaan terpaksa ditempuh dan dialami semasa bekerja di rumah Tuan Malik. Siti Musalmah dipandang rendah oleh anak Tuan Malik iaitu Zur Hazleza. Beliau dimarahi dan dimaki kerana cuba memberi tunjuk ajar serta nasihat kepada Zur Hazleza.

Contoh petikan:

Zur Hazleza semakin marah. Dicapai lipatan pakaian putih di bucu katil itu lalu dicampak ke muka Siti Musalmah. “Jangan cuba ajar aku, budak kampung, budak hulu. Aku tahuapa aku buat. Hey, aku tidak pernah ganggu kamu. Tolong, jangan ganggu aku. Aku benci!” Dia tolak Siti Musalmah keluar. Pintu ditendang kuat. (2009: 49)

Contoh petikan lain:

Ada suara menjerit lagi. Zur Hazleza minta dia hantarkan segelas air ke bilik. Dia akur.

“Kamu boleh tahan Siti.” Mak Limah angkat kotak berisi majalah-majalah yang dibuang Azri Farouk, dibawa ke tong sampah besar depan rumah.

“Cik Zur buat kamu macam-macam.”

Cepat-cepat Siti Musalmah sekali air mata. “Siti bekerja di sini, Mak Limah.” Dia tenangkan suara. “Siti dibayar gaji. Ini semua cabaran.” (2009: 85)

Di samping itu, Siti Musalmah tetap menjalankan ibadah yang diperintahkan Allah seperti mengaji dan bersolat tahajud di tengah malam biarpun perbuatannya itu tidak disukai oleh Tuan Malik dan anaknya,

Zur Hazleza. Justeru, manusia unggul akan berjaya serta mampu melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya. Malahan, dapat memenuhi tuntutan-tuntutan rohani dan jasmaninya dengan berkesan.

(<http://www.muftipahang.gov.my/penerbitan>)

Contoh petikan:

“Eh, kamu mahu bekerja ataupun tidak? Kalau tidak mahu kerja lagi, cakap. Berhenti cepat. Jangan menyusahkan orang.” Berasa ringan sahaja penamparinya mahu dihinggapi ke muka Siti Musalmah.

“Maafkan saya, Tuan Malik, saya dengar loceng tadi. Masa itu saya baru habiskan surah ar-Rahman.”

Siti Musalmah kuakkan daun pintu semakin luas. Masih tercegat di tepi pintu dengan wajah teduh.

Terasa jawapan itu menghinanya. Berang yang menyalah di hati, membakar hingga ke kepala. “Itu sahaja yang kamu tahu. Mengaji. Mengaji. Mengaji. Tidak ada kerja lain? Eh, aku bayar kamu gaji untuk uruskan rumah aku. Untuk penuhkan keperluan aku. Faham?” (2009: 117)

Kesan Kehadiran Pengalaman Sebagai Orang Gaji Melahirkan Unsur Kepimpinan dan Keunggulan

Pengalaman sebagai orang gaji atau pembantu rumah di rumah Tuan Malik telah memberi banyak kesan yang positif dan membina kepada diri Siti Musalmah. Kehidupan di sana telah mematangkan beliau dan dapat membezakan kehidupan yang penuh materialistik dan pengabdian kepada Allah SWT. Malahan, amalan dan perbuatannya itu telah memberi kesedaran dan keinsafan kepada anak-anak Tuan Malik iaitu Azri Farouk dan Zur Hazleza. Secara tidak langsung, keunggulannya telah dapat mengubah sikap negatif kepada positif. Contoh petikan:

“Betul. Saya habis fikir, Siti.” Zur Hazleza menatap wajah teduh Siti Musalmah dengan hati bergetar. Melihat telekung yang menyaluti tubuh Siti Musalmah, dia teringat telekung yang dicampakkan ke muka bekas orang gajinya itu. Dia diseksa rasa bersalah yang amat sangat.

Angin laut yang bertiup lembut di sepertiga malam. Dia berteleku di sebelah Siti Musalmah yang baru selesai membaca sural al-Mulk. "Saya hendak tinggal di sini. Berilah saya peluang. Saya mahu belajar sembahyang. Belajar jadi orang Islam." (2009: 531)

Petikan di atas menunjukkan Zur Hazleza yang telah insaf di atas tindakan dan perbuatannya yang menghina Siti Musalmah. Walaupun beliau menghina Siti Musalmah tetapi kesabaran dan sifat berserah diri Siti Musalmah telah memberi pengajaran kepada Zur Hazleza. Sebelum ini, beliau telah hanyut dalam arus noda dan dosa. Malahan, terlampau mengikut arus dunia tanpa batasan menyebabkan beliau tenggelam dalam keseronokan sehingga melupakan ibadah kepada Allah. Kehadiran Musalamah di rumahnya walaupun seketika telah memberi pengajaran kepadanya.

Contoh petikan lain:

"Saya kena belajar jadi manusia bermula dari kandang kambing, Mak Limah."

Mak Limah terlopong pada Azri Farouk.

"Saya akan buktikan pada Siti Musalmah, saya benar-benar mahu jadi manusia. Saya tahu, dia selalu doakan saya." (2009: 459)

Petikan di atas menunjukkan perubahan pada diri Azri Farouk. Sebelum ini, beliau merupakan seorang yang tidak mengendahkan urusan keluarga dan dirinya sendiri. Masanya dihabiskan dengan berfoya-foya dan berseronok dengan rakan-rakan. Kahadiran Siti Musalmah di rumahnya telah banyak memberi dorongan serta peringatan kepadanya.

Prinsip Perlanggaran

Prinsip perlanggaran merupakan suatu kaedah *teori Teksdealisme* untuk menganalisis sesebuah teks bagi memperlihatkan sifat-sifat keunggulannya. Perlanggaran berlaku apabila seseorang pengarang sedar konsep kepengarangannya dengan mencuba untuk melakukan pembaharuan bagi setiap teks yang dihasilkan. Merujuk kepada prinsip perlanggaran ini dengan watak-watak wanita dalam novel *Doa Insan*

Berkasih ianya dapat digunakan bagi melihat keunggulan wanita. Dengan kata lain, maksud perlanggaran ini yang boleh dikaitkan dengan watak-watak dalam novel ini ialah berlakunya pembaharuan dan kelainan dalam bidang kerja, pemikiran dan idea berbanding dengan kebiasaannya. Perlanggaran ini juga mesti disertai dengan keberanian.

Perlanggaran Dalam Aspek Berdakwah

Pembacaan novel *Doa Insan Berkasih* akan dapat mengesan perlanggaran dalam aspek berdakwah. Perlanggaran yang dimaksudkan ialah kerja-kerja berdakwah dan menegur demi kebaikan kebiasaannya dilakukan oleh kaum lelaki. Namun begitu, di dalam novel ini pendakwahan dilakukan oleh kaum wanita iaitu Siti Musalmah. Ini merupakan satu perlanggaran dari segi kebiasaan dan satu bentuk keberanian yang ditonjolkan oleh watak Siti Musalmah. Dalam menjalankan dakwah dan nasihat memerlukan keberanian serta kekuatan mental dan fizikal bagi melancarkan misi dakwah. Sikap inilah juga diperlukan oleh seseorang pemimpin.

Contoh petikan yang memaparkan perlanggaran dalam aspek berdakwah ialah:

Tuan Malik buka almari kabinet dengan rakus. Matanya masih menyala-nyala. "Sudah, aku tidak mahu dengar kamu merepek. Lebih baik kamu diam. Kalau tidak, aku humban kamu keluar." Diselongkar isi kabinet. Matanya meliar pandang sekeliling. "Hey, budak jahanam, di mana kamu sorokkan wiski aku?" Hati Siti Musalmah semakin sebak. Suaranya tertahan-tahan. "Tuan Malik, jangan minum lagi minuman larangan Allah itu, Tuan Malik."(2009: 120)

Berdasarkan petikan di atas, Siti Musalmah cuba berdakwah dan memberi nasihat kepada Tuan Malik supaya tidak minum arak. Siti Musalmah mengambil tindakan yang bijak iaitu menyorokkan arak atau wiski di dalam kabinet buatan Itali. Namun begitu, segala nasihat dan tindakannya itu menyebabkan Tuan Malik memarahinya. Tuan Malik ketagihan untuk minum arak ataau wiski. Keberanian dari segi pertuturan dan tindakan yang dilakukan oleh Siti Musalmah menunjukkan satu sifat kepimpinan dan

keunggulan yang dimilikinya. Amat jarang ditemui seorang wanita apatah lagi orang gaji memberi teguran dan nasihat kepada tuannya. Sebaliknya, tindakan tersebut telah dilakukan oleh Siti Musalmah. Justeru, wanita yang berpegang teguh kepada agama akan mempunyai keperibadian yang unggul serta mampu menjadi pemimpin yang baik dan berkesan. Batas-batas syariat yang dipegang dan disemai dalam hidupnya mengangkat imej serta martabat dirinya.

(<http://akuislam.com/blog/renungan>)

Perlanggaran Dalam Aspek Melawan Musuh

Dalam aspek ini, pengkaji dapat melihat satu perlanggaran telah berlaku iaitu seorang wanita berjaya mengalahkan seorang lelaki yang gagah demi mencari keadilan. Kebiasaannya, kaum wanita akan tewas apabila bertarung dengan kaum lelaki. Namun begitu, dalam novel ini satu perlanggaran atau kelainan telah berlaku. Kaum lelaki telah tewas semasa bertarung dengan kaum wanita. Ini dipaparkan semasa kejadian gerai Siti Musalmah telah dibakar oleh Zamani. Salamiah iaitu sepupu Siti Musalmah telah bertarung dengan Zamani untuk menuntut keadilan di atas tindakan Zamani yang tidak berhati perut itu. Lantaran itu, menurut Rabiatul Adawiyah Koh Abdullah (2011) wanita tidak seharusnya hanya tahu menghias diri atau bersolek sahaja, sebaliknya mereka perlu bijak membina personaliti serta menguruskan keluarga. Di sitolah kita dapat melihat unsur kepimpinan yang berkesan, keunggulan dan ketrampilan seseorang wanita. Contoh petikan:

“Jangan main-mainkan aku, Miah.” Zamani mula marah. Dilayangkan penampar ke muka Salamiah tetapi Salamiah cepat bertindak. Ditangkap dan dipiuhan Zamani sekuat yang boleh. Zamani terseringai menahan sakit.

“Oh, marah? Kamu main-mainkan perasaan aku tidak apa?”

“Miah.” Zamani jadi semakin serba salah. Berdiri salah. Mahu terus berjalan ke pasar tani pun salah. Tangan yang dipiuhan Salamiah berdenyut-denyut. (2009: 352)

Perlenggaran Dalam Aspek Pendidikan

Dalam aspek pendidikan terdapat juga perlenggaran yang diketengahkan oleh penulis. Perlenggaran tersebut ialah mendidik anak secara tidak formal iaitu tidak menghantar anak ke sekolah disebabkan kemiskinan. Kebiasaannya, anak-anak dihantar ke sekolah untuk mendapatkan ilmu dunia dan akhirat. Namun begitu, dalam novel ini didapati satu kelainan atau perlenggaran telah berlaku. Dalam zaman moden ini, masih kedapatan ibu bapa tidak menghantar anak ke sekolah tetapi memberi didikan agama dan akhlak yang sempurna kepada anaknya. Menurut Nik Salida Shuhaila Nik Saleh (2011) wanita harus menguasai ilmu supaya dapat menyatakan serta melahirkan sesuatu kebenaran. Sejarah membuktikan bahawa pada awal kedatangan Islam sehingga berakhirnya zaman Rasulullah SAW, wanita dimartabatkan setanding lelaki dalam apa jua bidang, termasuklah ketenteraan dan keusahawanan. Ini berlaku kepada Siti Musalmah, disebabkan kesempitan hidup maka beliau tidak disekolahkan. Sebaliknya, ayah dan ibunya mendidik bidang agama dan akhlak dengan agak baik. Contoh petikan:

“Bukan Siti tidak mahu pergi ke sekolah, Siti teringin sangat, Abang Hamzah. Tetapi....”

Hamzah hanya memandang.

“Emak sakit. Siti kena cari duit.”

“Siti... ” Hamzah ingin bersuara, tetapi hatinya sebak. Dia terpaku memandang Siti Musalmah dengan hati pedih. (2009: 35)

Contoh petikan lain:

Ah, emak yang manis kasih sayangnya datang lagi bertamu di hati. Ya, dia mahu menjadi murid emak yang taat sampai bila-bila. Dia berharap benar supaya Allah Taala menolong kehidupan arwah emak dan abah di alam sana dengan berkat doa dan amalan ajaran emak. Dia mengerti, antara mereka bertiga hanya dia masih bernyawa. Antara mereka bertiga, fikirnya, hanya dia yang boleh melakukan semuanya, semua perintah Allah untuk menjadi sebaik-baik manusia.

(2009: 44)

Petikan lain yang memaparkan keberkesanan ajaran ibu Siti Musalmah:

Ah, emak yang mulia, benar-benar mengajarnya dengan baik. Emak yang selalu rindu dan selalu menyerahkan cintanya kepada Allah, seluruh jiwa. (2009: 46)

Ilmu yang disampaikan oleh ibu Siti Musalmah amat terkesan dalam jiwanya. Lantaran, berjaya membentuk keperibadian yang unggul dalam diri Siti Musalmah. Nik Salida Shuhaila Nik Saleh (2011) menyatakan menerusi penguasaan ilmu yang pelbagai, wanita akan dapat memiliki kefasihan lisan kerana ilmu yang tinggi membantu mereka dalam seruan dakwah.

Perlanggaran Dalam Aspek Ekonomi

Dalam aspek ekonomi pula telah berlaku perlanggaran atau pembaharuan yang dilakukan oleh penulis iaitu Aminah Mokhtar. Perlanggaran tersebut ialah penglibatan wanita dalam bidang perniagaan yang kebiasaannya dimonopoli oleh kaum lelaki. Malahan, perniagaan yang diusahakan pelbagai jenis dan maju. Ini dipaparkan melalui watak Siti Musalmah dan Salamiah yang berganding bahu untuk maju dalam perniagaan. Bermula daripada peraih ikan mereka berjaya membuka kilang makanan seperti keropok ikan, sate ikan dan pelbagai jenis kerepek yang diperbuat daripada ubi kayu, pisang, sukun, keladi dan keledek. Selain itu, mereka juga mendapat bantuan dan kerjasama daripada pihak kerajaan bagi membina kilang memproses makanan laut. Contoh petikan:

Cepat benar otak-otak Kampung Nelayan samapai ke Kuala Lumpur. Kilang yang tau fu berasaskan makanan laut terpaksa didirikan di Batu Pahat untuk mendapatkan kemudahan penyimpan sejuk beku sebelum dihantar kepada pembekal. Salamiah bercadang membuka cawangan di Mersing, jadi pembekal ke Pulau Tioman dan Pantai Timur. Ikan segar dari Kampung Nelayan, Kampung Muara dan Kampung Hulu, Berjaya dibekalkan ke supermarket di Johor Bahru, Melaka, Seremban dan Kuala Lumpur. (2009: 578)

Di samping itu, Siti Musalmah merupakan seorang wanita yang unggul kerana berjaya dalam bidang perniagaan walaupun tidak mempunyai kelulusan yang tinggi. Contoh petikan:

“Lain kalilah kita berunding. Lagipun Siti Musalmah binti Burhanudin, Pengarah Urusan Kampung Nelayan Sdn. Bhd. Sibuk sekarang.” Diulangi perkataan ‘Pengarah Urusan Kampung Nelayan Sdn. Bhd.’ Satu-satu. Lebih kuat dan lebih nyata. “Banyak kerja yang dia perlu uruskan. Mak Intan faham orang bermiaga? Kami hargai setiap saat masa kami.” (2009: 566)

Petikan di atas memaparkan keupayaan dan kebolehan seorang wanita Melayu yang dahulunya hidup miskin dan susah. Namun begitu, berkat usaha dan doa serta bantuan sepupunya Salamiah beliau berjaya menjadi Pengarah Urusan Kampung Nelayan Sdn. Bhd.

Perlanggaran Dalam Aspek Kemanusiaan

Perlanggaran dalam aspek ini ialah berbuat baik kepada orang yang pernah membuat kejahanatan terhadap diri dan keluarga. Kebiasaannya, apabila seseorang itu telah dibuli atau dikhianati maka dia akan membala dendam terhadap orang yang membuli dan mengkhianatinya. Namun begitu, dalam novel ini satu perlanggaran atau kelainan telah dipaparkan oleh Aminah Mokhtar. Perbuatan buruk atau keji dibalas dengan kebaikan dan kemaafan. Dengan kata lain, unsur inilah memaparkan kepimpinan yang baik dan berkesan dalam masyarakat. Ini ditonjolkan dalam watak Siti Musalmah yang melayan Mak Piah dengan baik walaupun Mak Piah sering menghina dirinya dan ibu Siti Musalmah. Contoh petikan penghinaan yang diterima oleh Siti Musalmah:

“Tidak, kamu bukan Siti anak Bahiyah yang tidak berguna. Kamu anak aku, Esah. Kamu anak emak. Mak Piah menangis teresak-esak. (2009: 216)

Berdasarkan petikan di atas, penghinaan dilakukan oleh Mak Piah terhadap Siti Musalmah adalah disebabkan beliau amat membenci ibu Siti Musalmah iaitu Bahiyah yang dianggapnya telah merampas

kekasihnya iaitu Burhanudin. Namun begitu, penghinaan itu diterima dengan tabah malahan beliau membalas dengan kebaikan. Ini menunjukkan keunggulan keperibadian yang dimiliki oleh Siti Musalmah. Contoh petikan:

Dengan hati luluh, Siti Musalmah pimpin tangan Mak Piah masuk rumah. Disuruhnya duduk atas ambin, cepat-cepat dicedok air dalam tempayan terus dimasukkan ke dalam cerek. Sementara menunggu air mendidih, kerepek ubi dimasukkan ke dalam piring. "Makan, Mak Piah." (2009: 216)

Berdasarkan petikan di atas, Siti Musalmah melayan dengan baik Mak Piah walaupun Mak Piah sering menghinanya. Dalam situasi di atas, Mak Piah sudah tidak siuman kerana memikirkan anaknya Esah yang lama tidak menjenguknya di kampung. Esah mengikuti teman lelakinya ke Johor Bahru untuk mencari pekerjaan. Seterusnya, perlanggaran dalam aspek kemanusiaan juga berlaku semasa gerai Siti Musalmah dibakar oleh Zamani. Beliau berprasangka baik terhadap apa yang berlaku dan menganggapnya dugaan dan ujian daripada Allah SWT. Malahan, Siti Musalmah memberi kemaafan kepada Zamani padahal terbukti Zamani yang membakar gerainya. Contoh petikan:

"Sudahlah, biarkan dia pergi, Kak Miah. Lagipun dia minta maaf dan berjanji tidak buat lagi." Mata tenang Siti Musalmah memandang Zamani yang serba salah. Antara mahu pergi atau tidak. Siti Musalmah membongkok ambil dompet duit di rumput dan hulurkan kepada Zamani.

"Terima kasih, Siti." Zamani terasa terlalu payah menarik nafas. Tangannya terketar-ketar.

(2009: 364)

Petikan di atas memaparkan keunggulan peribadi dan akhlak yang dimiliki oleh Siti Musalmah. Biarpun gerainya telah dibakar oleh Zamani tetapi keperibadiannya yang tinggi telah melenyapkan perasaan dendam dan marah. Ini juga merupakan satu perlanggaran atau kelainan yang cuba ditonjolkan oleh Aminah Mokhtar dalam novelnya ini. Lantaran itu, wanita yang unggul memiliki pemikiran yang luas dan bernes dan mempunyai akidah yang mantap dalam menempuh segala rintangan kehidupan.

(<http://www.abim.org.my/component/content>)

Rumusan

Kepimpinan yang berkesan serta keunggulan wanita akan terserlah sekiranya mempunyai keperibadian yang tinggi dan akhlak yang mulia. Di samping itu, ilmu dunia dan akhirat amat penting dalam menempuh segala ranjau dan duri kehidupan. Wanita perlu berani untuk berjaya dan bersaing dalam era yang penuh mencabar ini. Malahan, keberanian juga perlu disulami dengan kebijaksanaan agar tindakan yang dilakukan adalah yang terbaik.

Bibliografi

Aminah Mokhtar. (2009). *Doa insan berkasih*. Selangor: PTS Litera Utama Sdn. Bhd.

Farid Poniman, Indrawan Nugroho dan Jamil Azzaini. (2010). *Menjadi pemimpin super*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Junaidah Arsal. (2004). *Jurnal Pendeta*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Manu Sikana. (2009). *Teori sastera kontemporari*. Bangi: Pustaka Karya.

Nik Salida Shuhaila Nik Saleh. (2011, Mei 26). Wanita lebih berwibawa jika kuasai pelbagai ilmu. *Berita Harian*

Noorun Nashriah Hj Ramli. (2008). *Kertas kerja: seminar politik Malaysia*. 28-30 Oktober 2008. Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Sabah.

Noorhannan Ramli dan Jamaliah Abdul Hamid. (2006). *Jurnal Pendidikan*. Bangi: Penerbit UKM.

Pahrol Mohamad Juoi. (2010). *Mukmin professional: celik mata hati*. Petaling Jaya:
Fitrah Perkasa.

Rabiatul Adawiyah Koh Abdullah. (2011, April 10). Wanita perlu keseimbangan.
Utusan Malaysia.

Razali Tamadi. (2005). *Kajian tentang hubungan antara amalan pengurusan sekolah dengan tingkahlaku kepimpinan pengetua wanitadi sekolah menengah premier di daerah Johor Bahru*. Tesis Sarjana. Skudai:
Penerbit UTM.

Suffian Hj Jalet. (2009). Mengenalpasti gaya dan keberkesanan kepimpinan pengetua cemerlang kanan wanita
Di sekolah Menengah Tun Abang Haji Openg, Kuching, Sarawak. Tesis Sarjana. Kota Samarahan:
Penerbit UNIMAS.

Zaharah Hassan. (2008). *Tingkahlaku dan gaya kepimpinan pemimpin akademik wanita di sebuah universiti awam*.
Tesis PhD. Sedang: Penerbit UPM.

<http://id.shroong.com/writing-and-speaking>

<http://akuislam.com/blog/renungan>

<http://www.muftipahang.gov.my/penerbitan>

<http://www.abim.org.my/component/content>